

Cara-Cara Mengerjakan Haji

1. **Ifrad:** Mengerjakan haji dahulu, kemudian mengerjakan umrah. (*1 Syawal – 9 Zulhijjah*)
2. **Tamattuk:** Mengerjakan umrah dahulu dibulan haji (*1 Syawal – 9 Zulhijjah*), kemudian barulah mengerjakan haji. Cara ini wajib membayara dam.
3. **Qiran:** Mengerjakan haji dan umrah serentak.dibulan haji (*1 Syawal – 9 Zulhijjah*).
Cara ini wajib membayar dam

Rajah Ringkas Haji Ifrad

1	Ihram Haji dan berniat	Rukun
2	Berniat di Miqat	Wajib
3	Tawaf Qudum	Sunnat
4	Sa'ie Haji	Rukun
5	Wukuf di Arafah	Rukun
6	Bermalam di Muzdalifah	Wajib
7	Melontar Jamarah Aqabah	Wajib
8	Penyembelihan Qurban	Sunnat
9	Bergunting / Bercukur	Rukun

Rajah Ringkas Haji Ifrad (sambung)

10	Bermalam di Mina 2 malam	Wajib
11	Melontar 3 Jamrah 2 hari	Wajib
12	Tawaf Haji	Rukun
13	Tawaf Wada'	Wajib

Rajah Ringkas Haji Tamattuk

1	Ihram Umrah dan berniat	Rukun
2	Berniat di Miqat	Wajib
3	Tawaf Umrah	Rukun
4	Sa'ie Umrah	Rukun
5	Bergunting / Bercukur	Rukun
6	Ihram Haji	Rukun
7	Niat Haji	Rukun
8	Wukuf di Arafah	Rukun

Rajah Ringkas Haji Tamattuk (sambung)

9	Bermalam di Muzdalifah	Wajib
10	Melontar Jamrah Aqabah	Wajib
11	Bergunting / Bercukur	Rukun
12	Menyembelih kambing (Dam)	Wajib
13	Bermalam di Mina 2 malam	Wajib
14	Melontar 3 Jamrah 2 hari	Wajib
15	Tawaf Haji	Rukun
16	Sa'ie Haji	Rukun
17	Tawaf Wada'	Wajib

Rajah Ringkas Haji Qiran

1	Ihram Haji dan Umrah	Rukun
2	Niat Haji dan Umrah	Rukun
3	Berniat di Miqat	Wajib
4	Tawaf Qudum	Sunnat
5	Sa'ie Haji dan Umrah serentak	Rukun
6	Wakuf di Arafah	Rukun
7	Bermalam di Muzdalifah	Wajib

Rajah Ringkas Haji Qiran (sambung)

8	Melontar Jamrah Aqabah	Wajib
9	Bercukur / Bergunting	Rukun
10	Menyembelih kambing (Dam)	Wajib
11	Bermalam di Mina 2 malam	Wajib
12	Melontar 3 Jamrah 2 hari	Wajib
13	Tawaf Haji dan Umrah serentak	Rukun
14	Tawaf Wada'	Wajib

Wajib Wukuf 2 Perkara

Wukuf hanya pada masa yang tertentu, bermula dari tergelincir matahari pada hari Arafah (9hb Zulhijjah) hingga terbit fajar pada hari kesepuluh bulan Zulhijjah (*hari nahar – hari raya korban*).

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

Haji yang benar, ialah haji yang dapat berwukuf di Arafah

Wukuf Di Padang Arafah

Padang Arafah: Dataran yang luas, 25km dari selatan Kota Makkah diluar Tanah Haram. Ditengah-tengahnya ada sebuah bukit terkenal dengan nama **Jabal Rahmah**. Jalan raya untuk masuk ke Padang Arafah terletak berhampiran dengan **Masjid Namirah** dan dikenali juga dengan nama **Masjid Ibrahim**.

Gambar Masjid Namirah (Masjid Ibrahim) Di Arafah



Keadaan Orang Yang Berwukuf Di Arafah

Sah wukuf dalam keadaan tidur, berjaga, berbaring, duduk, berjalan dan menunggang kenderaan. Sah berwukuf dalam keadaan suci ataupun tidak. Saperti wanita yang sedang berhaid, nifas atau orang yang sedang berjunub.

Tidak sah wukuf yang dilakukan oleh orang yang pingsan, gila, pitam atau mabuk yang tidak sedarkan dirinya sepanjang masa berwukuf (*batal hajinya*).

Keadaan Orang Yang Berwukuf Di Arafah - Sambung

Jemaah yang tersebut, dikehendaki meneruskan semua pekerjaan hajinya hingga akhir dan wajib mengqadaknya pada tahun yang berikut

Sunnat-Sunnat Wukuf

1. Mandi kerana wukuf.
2. Masuk ke Arafah selepas tergelincir matahari dan bersolat Zuhur dan Asar jamak takdim.
3. Imam menyampaikan khutbah kepada jamaah.
4. Menyegerakan wukuf selepas solat.
5. Wukuf berhampiran dengan Jabal Rahmah.
6. Didalam keadaan tidak berpuasa.
7. Banyak berdoa, berzikir dan membaca Al-Quran.

Sunnat-Sunnat Wukuf (sambungan)

8. Senantiasa berada dalam keadaan suci dari hadas.
9. Berkeadaan khusyuk dan menginsafi diri.
10. Menjauhkan diri dari bertengkar, bergaduh dan bercakap kosong.
11. Kalau terlihat orang yang berpakaian compang-camping atau kurang sempurna, tidak dihina atau diperkecilkan.

Doa Yang Dibaca Dalam Perjalanan Ke Arafah

Allah humma ilaika tawaj-jahtu,
waliwajhikal kariim aradtu, faj-'al dzanbii
maghfuran, wahaj-ji mabrururan, irhamnii
walaal tukhaiyib-nii, in-naka 'alaa ku-li
syai-in qadiirun.

Doa Yang Dibaca Dalam Perjalanan Ke Arafah (Bahasa Melayu)

Artinya: “Ya Allah, aku datang kepadaMu, aku datang untuk menatap wajahMu yang mulia maka jadikanlah segala dosaku terampun dan aku memperolehi haji yang mabrur. Kurniakan rahmat kepada aku dan jangan sekali-kali kecewakan aku. Sesungguhnya Engkau berkuasa diatas segala sesuatu.”

Doa Ketika Masuk Ke Arafah

Allah humma ilaika tawaj-jahtu,
wabika' tasamtu wa 'alaika tawak-
kaltu. Allah hummaaj 'alnii miman
tubaahii bihil yawma malaa-ikatuka
in-naka 'alaa ku-li syai-in qadiirun.

Doa Ketika Masuk Ke Arafah (Bahasa Melayu)

Maksudnya: “Ya Allah, hanya kepada Engkau aku menghadap, dan kepada Engkau aku berserah diri. Ya Allah, jadikanlah aku dari golongan orang-orang yang pada hari ini dibanggakan oleh MalaikatMu. Sesungguhnya Engkau yang Maha Berkuasa diatas segala-galanya.

Doa Beziarah Ke Jabal Rahmah

Allah hummaghfir lii watub 'alaiya wa 'atini su'lii
wawaj jih liil khaira ainamaa tawaj jahtu
subhaanallah wal hamdulillah walaa ilaaha illallah
wallahu akbar

Maksudnya: Ya Allah, ampunilah aku, terimalah taubatku. Perkenankanlah permohonanku dan hadapkanlah aku kepada kebaikan, kemana saja aku pergi. Maha Suci Allah dan segala puji bai Allah, dan tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Agung

Catatan: Solat Di Arafah

Solat-solat fardu dijamakkan tanpa qasar di
Arafah

*(Penyelarasan Bengkel Penceramah
Kursus Haji 1419H – 1998M), anjuran
Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)*

Rahsia Wukuf

1. Bagi melahirkan perasaan gerun dan takut kepada kekuasaan Allah, sedang kedua belah tangan menadah kelangit memohon keampunan dan keredhaanNya, manakala air matanya mengalir membasahi pipinya, mulutnya berkumat-kamit membaca sesuatu, bertaubat dari segala dosa dan kesilapan yang pernah dilakukan didalam hidupnya.

Rahsia Wukuf (sambungan 1)

2. Disini, para jamaah bermohon, meminta restu dari Allah, kebaikan didunia dan kesejahteraan di Akhirat.

Arafah adalah perhimpunan raksasa, dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat termasuk para ulama yang muqarrabiin dan orang-orang yang soleh

Rahsia Wukuf (sambungan 2)

Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

“Sekiranya hari wukuf Arafah jatuh pada hari Jumaat, Allah mengampunkan para jamaah yang berwukuf disana.” (hadis riwayat: Al-Izzu bin Jamaah).

Rahsia Wukuf (sambungan 3)

Sabda Baginda lagi:

“Tidak ada satu haripun, dimana Allah membebaskan ramai hambaNya dari neraka selain hari Arafah. Ia (Allah) bebangga dengan para MalaikatNya, lalu berkata: Apa yang mereka mahukan?.” (Hadis riwayat: Muslim)

Berwukuf di Arafah diantara Rukun Haji, tidak sah haji tanpa wukuf.

Bacaan Zikir Dan Selawat Di Arafah

1. Membaca Istighfar
2. Membaca Saiyidul Istighfar
3. Membaca Tasbih
4. Membaca Hauqalah
5. Membaca Tahmid
6. Membaca Talbiah
7. Membaca Doa Di Arafah

Sila rujuk buku praktikal panduan haji bagi semua bacaan.

Gambar Setelah Wukuf



Sebelum Meninggalkan Arafah

Dibaca:

Allahu Akbar (3x), La ilaaha illallah wallahu akbar,
Allahu Akbar walillahil hamdu

Maksudnya:

*Allah Maha Besar (3x) Tiada Tuhan melainkan Allah,
dan Allah Maha Besar, dan bagi Allah segala puji*